

19 SEP 1997

Mahathir-periok api

DR MAHATHIR BIDAS KUASA BESAR TOLAK PENGHARAMAN PERIOK API

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas kuasa-kuasa besar yang menolak percubaan untuk mengharamkan periok api.

Beliau yang tidak menyebut nama kuasa-kuasa besar itu berkata mereka masih lagi mahu mencipta, memperbaiki, menguji dan menjual senjata termasuk periok api yang lebih baik.

"Nampaknya seperti sesetengah orang berpendapat dunia memerlukan cara yang lebih murah untuk membunuh," katanya pada ucaptamanya mengenai "Malaysia Dalam Alaf Akan Datang: Cabaran Untuk Jenerasi Baru" di perjumpaan Alumni Universiti Malaysia di sini.

Rabu lepas, di Oslo, kira-kira 100 negara mengakhiri mesyuarat dua minggu dengan meluluskan draf akhir perjanjian untuk membebaskan dunia dari periok api yang telah membunuh dan mencederakan kira-kira 26,000 manusia setahun. Perjanjian itu dijangka ditandatangani di Ottawa, Kanada Disember ini.

Amerika Syarikat masih terkeluar dari perjanjian itu selepas Presiden Bill Clinton berkata bahawa keutamaan pertamanya ialah melindungi askar-askar AS yang katanya gagal dimasukkan dalam perjanjian itu.

Dr Mahathir berkata berjuta-juta periok api yang bertaburan di seluruh dunia membunuh dan mencedera mangsa tidak berdosa lama selepas perang tamat.

Para pakar berpendapat bahawa sementara perjanjian itu akan menghentikan penggunaan periok api, AS\$33 bilion dan 11 abad, pada kadar sekarang, diperlukan untuk memusnahkan 110 juta periok yang bertaburan dalam 64 negara di seluruh dunia.

Perdana Menteri juga melahirkan kebimbangan mengenai perlumbaan senjata yang masih berterusan walaupun Perang Dingin sudah berakhir.

"Senjata baru yang lebih canggih masih terus dicipta, diuji dan dikeluarkan untuk angkatan tentera yang bersaing antara satu dengan lain untuk menunjukkan kecanggihan keupayaan mereka untuk membunuh.

"Sekiranya tidak ada musuh untuk dilawan sekarang, musuh-musuh masa depan dikenal pasti bagi menghalalkan penggunaan wang yang banyak untuk penyelidikan, pembangunan dan pengeluaran senjata," kata beliau.

Untuk mendapat pulangan dari pelaburan yang besar dalam pengeluaran senjata, negara-negara kecil dipujuk supaya membelinya, katanya.

"Negara-negara kecil ini tidak menjangkai akan diserang oleh sesiapa tetapi mereka dipujuk supaya meningkatkan keupayaan angkatan bersenjata mereka setanding dengan negara jiran mereka yang baik yang juga dipujuk untuk berbuat sedemikian.

"Dengan itu mereka juga membeli senjata yang lebih mahal. Dan selepas itu media dari negara yang menjual senjata itu mengutuk negara-negara kecil ini kerana terlibat dengan perlumbaan senjata," kata Dr Mahathir.

Katanya keadaan ini berlaku sekarang dan tidak akan berubah secara radika di masa depan.

"Pada abad akan datang, alaf akan datang akan menyaksikan semua ini terus berlaku, Mungkin ada perbezaan tetapi hanya dari segi kadar dan kecanggihan," katanya. -- BERNAMA

AZZ WAT